



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA
MINISTRY OF TOURISM, ARTS AND CULTURE MALAYSIA

Aras 1, 4-5, 10-15, 17 & 18
No. 2, Menara 1, Jalan P5/6
Presint 5,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8000 8000
Faks : 03 8891 7100
Portal Rasmi : www.motac.gov.my

Rujukan : MOTAC.600-2/1/60.JILID2 (10)
Tarikh : 27 Mei 2024

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN BERHUBUNG PELESENAN PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN DALAM NEGERI (MM2H) BERDASARKAN SYARAT – SYARAT BAHARU

Dengan hormatnya saya diarah mengambil perhatian tuan/puan berhubung perkara tersebut di atas.

2. Seperti mana pihak tuan/puan sedia maklum, permohonan lesen baharu dan pembaharuan lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri (MM2H) telah dihentikan pada **31 Disember 2023**. Pada masa yang sama, pengambilan peserta baharu MM2H juga telah dihentikan.
3. Untuk makluman tuan/puan, pihak Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sedang menyediakan **Garis Panduan Baharu Pelesenan Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri (MM2H) dan Syarat-syarat Baharu Peserta MM2H** yang akan dilaksanakan dalam masa terdekat.
4. Selanjutnya, melalui kuasa yang diperuntukkan di bawah subperaturan 6(1)(n) Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan) [P.U.(A) 333/1992], Pesuruhjaya telah menentukan syarat-syarat lain yang hendaklah dipatuhi oleh semua pemegang lesen MM2H, seperti yang berikut:
“pemegang lesen MM2H sedia ada tidak dibenarkan untuk memulakan apa-apa pemprosesan dan urusan permohonan baharu peserta MM2H (*new application of MM2H participant*) sehingga tarikh tamat lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri (MM2H) tersebut. Walau bagaimanapun, dalam tempoh berkuat kuasanya lesen sedia ada, pemegang lesen MM2H masih dibenarkan untuk terus menguruskan urusan peserta MM2H yang telah membuat permohonan penyertaan sebelum ini”.

PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA PEMANGKIN PERPADUAN

5. Dalam hal ini, kebenaran untuk menguruskan permohonan penyertaan peserta MM2H yang baharu hanya akan diberikan kepada syarikat yang memohon lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri (MM2H) dengan syarat-syarat baharu berdasarkan tatacara permohonan yang dinyatakan dalam garis panduan lesen MM2H seperti di perenggan 3 di atas. Permohonan untuk mendapatkan lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri (MM2H) dengan syarat – syarat baharu tersebut akan dimaklumkan kelak. Sehingga kelulusan lesen baharu diperolehi, **pemegang lesen MM2H sedia ada tidak dibenarkan untuk menjalankan sebarang aktiviti promosi dan pengambilan peserta MM2H baharu** sehingga garis panduan peserta MM2H baharu dimuktamadkan dan diumumkan kelak.

6. Perhatian dan kerjasama tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai. Jika terdapat sebarang pertanyaan berkaitan, tuan/puan boleh menghubungi Cik Nor Faizah binti Mohamed Sabri di talian 03-891 7234 (faizahms@motac.gov.my) atau Encik Mohd Nawawi bin Mat Idris di talian 03-8891 7211 (nawawi@motac.gov.my).

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(SURYA KUMAR A/L SUBRAMANIAM)

Setiausaha Bahagian

Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

s.k. Pesuruhjaya Pelancongan